

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HIS 224 Institusi Kekeluargaan Islam**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

**Arahan**: Asingkan jawapan bahagian A dan B di dalam buku jawapan yang berlainan. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

**Bahagian A** - Jawab **DUA** [2] soalan sahaja. Soalan **SATU** [1] wajib dijawab.

1. Antara tabiat yang bertentangan di dalam diri manusia ialah perasaan keakuan dan perasaan kemasyarakatan. Kehidupan kekeluargaan dapat mempertemukan/ menyelaraskan kedua-dua tabiat ini secara harmoni. Huraikan pernyataan ini menurut falsafah dan signifikan perkahwinan di dalam Islam.

**SAMA ADA**

2. Islam menetapkan beberapa kriteria yang perlu dijadikan garis panduan dalam memilih teman hidup. Bincangkan kriteria-kriteria tersebut daripada sudut-sudut berikut:

- [a] Ciri-ciri yang perlu diutamakan.
- [b] Pengaruh keluarga asal dan persekitaran.
- [c] Kesekupuan.

**ATAU**

3. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Hendaklah suami mengeluarkan nafkah (terhadap keluarga) menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya hendaklah mengeluarkan nafkah menurut kemampuannya yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberatkan seseorang (dengan kewajipan mengeluarkan nafkah) melainkan sekadar (kemampuan) yang ditentukan baginya.” (Al-Qur’an, surat al-Talaq: 7).

Berdasarkan kepada maksud ayat al-Qur’an di atas, bincangkan masalah nafkah rumahtangga daripada sudut-sudut berikut:

- [a] Syarat-syarat seseorang isteri berhak mendapat nafkah.
- [b] Kriteria dalam menentukan anggaran nafkah.
- [c] Nafkah wanita yang diceraikan semasa di dalam ‘iddah.

**Bahagian B** - Jawab **SATU** [1] soalan sahaja.

4. Bincangkan perselisihan pendapat ulama fiqah tentang perkara-perkara berikut:

- [a] Talak oleh orang yang mabuk.
- [b] Talak oleh orang yang bersangatan marah.
- [c] Talak secara bergurau.
- [d] Talak tiga sekaligus.

5. Bincangkan kes-kes di bawah kemudian nyatakan hukum syara' berdasarkan kepada dalil-dalil dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh para ulama.
- [a] Jabir menceraikan isterinya dengan tanpa saksi.
  - [b] Ahmad menceraikan isterinya yang di dalam keadaan berhaid.
  - [c] Asiah sedang berkeadaan tersangat marah kepada suaminya dan ia berkata: "Ceraikan aku." Suaminya menjawab: "Suka hati engkaulah."
  - [d] Jusuh menuntut bayaran tebus talak (khulu') daripada isterinya Kalthum, dengan kadar melebihi jumlah maskahwin yang Kalthum terima daripadanya.